

***PAMERAN FOTO KOLEKSI ROBERT KNOWLES DI MUZIUM SABAH
18 FEBRUARI - 18 MEI 2014***

Pameran ini merupakan warisan koleksi yang diderma oleh Robert Knowles, O.B.E, kepada kerajaan Negeri Sabah. Encik Robert Knowles telah bermurah hati mendermakan lebih 2,200 negatif kepada pihak Muzium Sabah pada tahun 1994 hingga tahun 1997. Ini adalah koleksi peribadi terbesar yang diberikan oleh beliau kepada Muzium Sabah. Koleksi foto tersebut bertarikh dari tahun 1947 sehingga 1960-an, di mana pada ketika itu merupakan tempoh pemulihan selepas perang dan pertumbuhan.

Oleh kerana kekangan ruang, hanya beberapa gambar yang diambil iaitu antaranya merupakan 120 gambar ganjil meliputi orang, peristiwa, tempat, bangunan, enjin kapal dan bot serta aktiviti ekonomi telah dipilih dengan teliti khas untuk pameran ini.

Encik Knowles berkhidmat dalam kastam dan pekerjaannya telah membawa beliau ke beberapa tempat di Sabah. Seni foto adalah hobi beliau ketika itu dan bersama-sama beliau juga tidak ketinggalan kamera Rolleicord dengan kanta berkembar.



Robert Knowles O.B.E

Setelah koleksi ini didermakan kepada Jabatan Muzium Sabah maka jabatan terus memelihara, melabel, menombor serta mengkatalog secara sistematik agar terus terpelihara untuk tatapan generasi yang akan datang.



Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah pada 18 Februari 2014 (Selasa), jam 10.00 pagi bertempat di Dewan G. C Woolley, Bangunan Utama Kompleks Muzium Sabah. Pameran foto Robert Knowles menandakan siri ke-6 dalam Pameran *North Borneo Sacred Legacy*.

Orang ramai yang ingin menyaksikan pameran ini bolehlah berkunjung ke Muzium Sabah di Jalan Penampang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Tiket masuk untuk pelancong asing ialah RM15.00 sementara untuk pelawat tempatan RM2.00. Selain itu pameran lain yang boleh disaksikan ialah Galeri Budaya Kita, Galeri Warna, Kain dan Kosmos, Galeri Seramik, Galeri Budaya Purba Sabah, Galeri Ilmu Kejadian dan pameran Tulang Ikan Paus Brudas yang menjadi salah satu daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri.